

Sekolah kluster perintis kaedah taksiran holistik

BH : Jumaat 22/6/2007

Penilaian berasaskan tugas kerja galak bina karakter positif

Oleh Syuhada Choo Abdullah

SATU sistem pentaksiran yang menilai penguasaan pelajar secara menyeluruh dan berterusan menerusi proses pembelajaran, akan dirintis mulai tahun depan.

Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pelajaran, Dr Haili Dolhan, berkata sebagai permulaan, pelaksanaan rintis berkenaan akan membabitkan beberapa sekolah rendah terpilih di kalangan sekolah kluster di seluruh negara.

Menerusi pendekatan terbaru itu, katanya, prestasi pelajar tidak lagi hanya ditaksir melalui peperiksaan awam berpusat, sebaliknya mencakupi pelbagai aspek sepanjang tempoh mengikuti pendidikan di sekolah.

Beliau berkata, ini kerana tumpuan pendidikan dalam menghadapi cabaran globalisasi kini berubah dan hendaklah tidak terlalu berorientasikan peperiksaan.

"Justeru, sistem pentaksiran serta penilaian dimantapkan supaya lebih

holistik dengan mengubah penekanan peperiksaan awam daripada berasaskan kemahiran atau bersifat ujian pencapaian kepada ujian kebolehan am.

"Sistem baru yang menekankan pentaksiran berasaskan tugas kerja ini dijangka mampu menggalakan pembinaan karakter pelajar.

"Selain itu, pelajar akan ditaksir dari segi penguasaan kemahiran berkomunikasi, menulis, membaca dan mengikuti mata pelajaran disampaikan.

"Pelaksanaan ini di bawah kendalian Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan menjadi antara pengisian utama teras membangunkan modal insan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PTPP) 2006-2010.

"Menerusi pentaksiran holistik ini, aliran perkembangan seseorang pelajar dapat diikuti dari mula sehingga tamat persekolahan, sekali gus mengenal pasti potensi mereka dengan lebih tepat," katanya kepada *Berita Harian*.

Sambil menjelaskan PPK berpera-

nan sebagai peneraju teras strategik kedua PIPP itu, Haili berkata, projek rintis berkenaan akan dibuat penambahbaikan berterusan ke arah pelaksanaan penuh yang dijangkakan pada 2011.

Beliau berkata, usaha kementerian itu selaras matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan kepentingan membangun dan memperkembangkan potensi pelajar secara menyeluruh.

Katanya, pentaksiran holistik ia-

lah sebahagian daripada perancangan utama yang difokus untuk mencapai matlamat membangunkan modal insan berkualiti.

Sebagai individu, beliau berkata, modal insan yang dibentuk harus seimbang serta bersepadu dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek, manakala dalam masyarakat pula berupaya memberi sumbangan positif, termasuk memupuk perpaduan dan juga menjana kemakmuran negara.

Selain memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian supaya lebih holistik, katanya, fokus dan strategi pelaksanaan lain ialah mengadakan lebih banyak pilihan aliran pendidikan kepada pelajar serta meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan.

Seterusnya, memupuk pelajar memiliki kemahiran dan ketrampilan, memantapkan program kokurikulum dan sukan, memperkukuh disiplin pelajar, mempercepat perkhidmatan sistem aduan masalah disiplin, memantapkan kurikulum, serta meningkatkan kerjasama kementerian dengan pelbagai agensi.

FAKTA NOMBOR

Teras Modal Insan PTPP

33

Strategi pelaksanaan

9

Fokus